



## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 1980**

### **TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN PEGAWAI KERAJAAN SEBAGAI SAKSI DI DALAM PERBICARAAN DAN PENYIASATAN RASMI KERAJAAN**

#### **Tujuan**

1. Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk menarik perhatian Ketua Jabatan tentang pentingnya tanggungjawab dan peranan seseorang pegawai kerajaan yang menjadi saksi dalam perbicaraan dan penyiasatan rasmi kerajaan.

#### **Perbicaraan Tribunal Perkhidmatan Awam**

2. Adalah didapati bahawa dalam beberapa perbicaraan Tribunal Perkhidmatan Awam, perbicaraan di mahkamah dan penyiasatan oleh Pesuruhjaya Penyiasat yang telah dijalankan, pegawai kerajaan telah diminta untuk menjadi saksi di dalam perbicaraan tersebut. Mereka yang menjadi saksi itu adalah atas sifatnya sebagai pegawai kanan yang bertanggungjawab dalam sesuatu urusan yang berkaitan dengan perkara yang dibicarakan dan yang disiasati. Semasa perbicaraan dan penyiasatan itu diadakan, pegawai berkenaan mungkin dengan sengaja atau dengan tidak sengaja akan mengeluarkan pendapatnya sendiri yang bertentangan dengan dasar dan polisi kerajaan mengenai perkara tersebut.

3. Mulai dari tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini sukacita ditegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab setiap pegawai kerajaan yang menjadi saksi dalam perbicaraan Tribunal Perkhidmatan Awam, perbicaraan mahkamah dan terlibat dalam penyiasatan oleh Pesuruhjaya Penyiasat supaya hanya memberi pendapat dan keterangan yang selaras dengan dasar dan polisi kerajaan sahaja. Mereka ditegah sama sekali memberi laporan dan dokumen kerajaan kecuali disubpoena oleh mahkamah. Mereka juga adalah ditegah sama sekali daripada mengeluarkan

pendapatnya secara persendirian yang bertentangan dengan polisi atau dasar kerajaan. Perkara ini perlu ditekankan untuk mengelakkan timbulnya keadaan serba-salah oleh pihak kerajaan. Pegawai-pegawai yang melanggar peraturan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.

4. Untuk mengelakkan keadaan serba-salah itu daripada berlaku, maka Ketua Jabatan hendaklah menentukan supaya hanya memilih pegawai kanan yang benar-benar layak dan memahami segala aspek dasar dan polisi mengenai perkara yang dibahaskan itu sahaja untuk menjadi saksi dalam perbincaraan dan penyiasatan awam. Selepas perbincaraan dan penyiasatan itu pula pegawai berkenaan hendaklah diminta untuk menyediakan satu laporan kepada Ketua Jabatannya mengenai perkara yang telah dibangkitkan dan pendapat yang telah diberinya di dalam perbincaraan tersebut.

5. Semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini kepada semua pegawai di Kementerian / Jabatan masing-masing.

Saya yang menurut perintah,



(HAJI ABDUL RAHMAN PILUS)

*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*

*Malaysia*

*22hb April, 1980*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,

Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan.